

Sukan**Menjelang Sukan Olimpik 2020**

Pandelela fokus pelajari terjunan baharu

Persiapan hadapi saingan penerjun muda guna darjah kesukaran tinggi

Oleh Sukhairi Thani
sukhairi@bh.com.my

Sepang: Penerjun negara, Pandelela Rinong Pamg mahu mempelajari 'terjunan baharu' sebagai persediaan menghadapi temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020 selepas menyaksikan ramai pesaing muda di Kejohanan Dunia FINA ke-18 di

Gwangju, Korea Selatan baru-baru ini, menyediakan saingan sengit buat mereka.

Pandelela dan gandingannya, Leong Mun Yee bersama pasukan terjun negara tiba di tanah air semalam dengan membawa pingat perak dalam acara 10 meter platform seirama sekali gus menempah slot ke temasya terbesar dunia itu.

"Saya akan tetap berlatih seperti biasa," kata Pandelela sejeurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini semalam. "Saya akan memberi fokus untuk mempelajari satu terjunan baharu bagi memberi saingan yang lebih sengit kepada negara lain. Bagi saya, terjunan baharu ini akan memberi peluang lebih besar (untuk mengu-

tip mata).

"Lagipun, pada masa ini semua penerjun muda menggunakan darjah kesukaran tinggi dan saya tak mahu berada di zon selesa lagi," katanya.

Di Gwangju, gandingan mengumpul 312.72 mata untuk menamatkan saingan di tempat kedua di belakang gandingan China, Lu Wei-Zhang Ji-qi yang meraih emas selepas mengutip 345.24 mata. Pingat gangsa diraih gandingan Amerika Syarikat, Samantha Bromberg-Katrina Young dengan 304.86 mata.

"Sekarang ini China menukar lagi pasangan baharu, lagi kecil, lagi muda dan lagi ber tenaga. Jadi kami skuad Malaysia kena berusaha lebih gigih dan perlu (berlatih) di luar

negara untuk meningkatkan lagi kemampuan. Bukan China saja, Mexico, Great Britain dan banyak lagi," katanya mengulas mengenai persaingan di Korea Selatan itu.

Sementara itu, Mun Yee juga senada dengan Pandelela dan mahu berusaha lebih gigih untuk memperoleh peluang beraksi di temasya Olimpik kelima dalam kariernya di Tokyo.

"Misi kali ini (di Gwangju) adalah untuk mengambil slot kelayakan dan selepas ini kena usaha lagi untuk ke arah Tokyo," kata Mun Yee. "(Sekiranya dipilih), ini akan menjadi Olimpik kelima, namun apapun kena berlatih lebih gigih dan jangan dihipit sebarang kecederaan."



Pandelela (kiri) dan Mun Yee disambut oleh Timbalan Ketua Pengarah Strategik Majlis Sukan Negara (MSN), **Suhardi Alias (kanan)** sejeurus tiba di KLIA semalam.

(Foto Ahmad Irham Mohd Noor/BH)